

PARA SASTERAWAN NUSANTARA DIPERINGATKAN:

Mesti hasilkan karya bermutu tinggi—Ghazali

KUALA LUMPUR, Sabtu.—Sasterawan Nusantara digesa menghasilkan lebih banyak karya sastera yang menggambarkan persamaan serantau bagi meningkatkan rasa setiakawasan dan ketahanan serantau.

Pentingnya, biarlah karya tersebut menunjukkan unsur-unsur permasalahan yang sama di samping membayangkan masa depan dan matlamat yang sama.

Demikianlah konsep baru yang diutarakan oleh Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie kepada para penulis Nusantara semasa merasmikan Pertemuan Sasterawan Nusantara III di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, hari ini.

"Dalam penulisan rantau ini, termasuk negara-negara Asean lain, kita perlu kurangkan unsur-unsur yang menggambarkan kita ini berbeda-beda, yang kita ini seolah-olah bukan dari satu rumpun yang asli atau seolah-olah kita ini tiada ikatan apa-apa"ujarnya.

Menurut Tan Sri Ghazali, karya setempat yang mementingkan pergolakan masyarakat tertentu tidak dapat dinikmati oleh masyarakat lain.

"Karya sesuatu negara, kecuali beberapa sahaja langsung tidak mendapat tempat dan sambutan di negara lain kerana tidak ada unsur-unsur persamaan. Ini

Oleh **NAZRI ABDULLAH**

merupakan satu kerugian besar"tambah beliau.

Menurut beliau, karya yang menggambarkan persamaan serantau mudah dihasilkan kerana masyarakat Nusantara mempunyai persamaan bahasa.

Bagaimanapun, tambah beliau, karya tersebut mestilah, mementingkan pembaca, dengan menggunakan kata-kata dan istilah yang boleh difahami.

Katanya, setiap negara mempunyai banyak istilah yang sama induknya tetapi lain pengertiannya. Oleh itu penulis sepatutnya menggunakan kata dan istilah yang mudah dimengerti oleh semua pihak.

"Rugi amat kiranya satu-satu karya yang berjaya di satu negara langsung tidak dapat dinikmati sepenuhnya di negara yang lain.

"Kerana kefahaman tidak seratus peratus, kepuasan juga hilang seperti mana menonton filem yang tidak sepenuhnya difahami," tambah beliau.

Menyentuh kerjasama masa depan dalam penulisan, Tan Sri Ghazali berpendapat, peranan masyarakat terutamanya para sasterawan sama pentingnya dengan penglibatan kerajaan.

Katanya, pemerintah dan rakyat haruslah memainkan peranan bersama bagi mencapai cita-cita tersebut.

Menteri Luar itu selanjutnya menggesa supaya bidang penter-

jemahan di Nusantara dipertingkatkan lagi bagi menjamin kematangan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengetahuan dan sastera.

Katanya, penterjemahan berperanan penting kerana pengetahuan yang diterokai oleh bahasa lain dapat dinikmati bersama.

Tan Sri Ghazali mengingatkan para sasterawan jangan mengasingkan diri dengan perkembangan masyarakat dunia semata-mata kerana keghairahan untuk menonjolkan identiti sendiri.

Sebaliknya, tegas beliau, sasterawan Nusantara mestilah menghasilkan karya bermutu tinggi, mengandungi unsur universalisme, humanisme dan bersifat kontemporari supaya dunia dapat menerima dan menikmati bersama.

Pertemuan Sasterawan Nusantara III dianjurkan oleh DBP dan Gapena sempena perayaan Jubli Perak DBP. Pertemuan pertama diadakan di Singapura dan yang kedua di Jakarta.

Pertemuan dua hari itu akan membincangkan beberapa kertas kerja yang dibentangkan oleh sasterawan dari Malaysia, Indonesia, Brunei dan lain-lain penulis Nusantara.

Kesemua kertas kerja itu akan bicarakan pokok persoalan "Bahasa dan Sastera Nusantara; Sejarah dan Masa Depan."

Kira-kira 200 peserta dari seluruh Nusantara menghadiri pertemuan itu.